



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 1 TAHUN 1996

PEMBAYARAN PENDAHULUAN PELARASAN GAJI 1995

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan memaklumkan keputusan Kerajaan untuk membayar pendahuluan pelarasan gaji 1995. Amaun bayaran adalah sebanyak **1 bulan gaji (gaji pokok hakiki) tertakluk kepada had maksimum RM650.00**. Pendahuluan ini akan diselaraskan apabila Kerajaan meluluskan pelarasan gaji yang sebenar yang berkuatkuasa pada 1 Januari 1995.

PELAKSANAAN

Pegawai Yang Layak

2. Pegawai yang layak mendapat pendahuluan ini ialah pegawai sektor awam yang berkhidmat pada 1 Januari 1995 hingga tarikh keluarnya Pekeliling ini yang mana majikan mereka adalah Kerajaan dan pembayaran gaji dan elaun yang diterima daripada peruntukan Kerajaan sepenuhnya atau sebahagian daripadanya. Mereka yang layak menerima pendahuluan ini adalah seperti berikut :

- 2.1. pegawai bertaraf tetap, sementara, kontrak, guru sandaran, sangkut dan sambilan yang gajinya berasaskan kepada Sistem Saraan Baru;
- 2.2. pegawai yang cuti bergaji penuh;
- 2.3. pegawai kontrak yang putus perkhidmatannya selama 1 hari sebelum disambung semula perkhidmatan kontraknya; dan
- 2.4. pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib seperti berikut :
 - (i) amaran untuk pegawai awam;
 - (ii) amaran atau amaran keras untuk pegawai/anggota Angkatan Tentera Malaysia; dan
 - (iii) amaran untuk Pegawai Kanan Polis, Polis DiRaja Malaysia dan celaan atau celaan keras untuk Pegawai Rendah Polis dan Konstabel serta Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Tambahan.

Pegawai Yang Tidak Layak

3. Pegawai yang tidak layak menerima pendahuluan ini adalah seperti berikut:
 - 3.1. pegawai yang tidak memilih opsi ke dalam syarat-syarat perkhidmatan Sistem Saraan Baru yang berkuatkuasa mulai 1 Januari 1992;
 - 3.2. pegawai di dalam agensi-agensi yang telah diasingkan pengurusan saraannya daripada saraan sektor awam;
 - 3.3. pegawai yang mengambil cuti tanpa gaji dan/atau cuti separuh gaji mulai 1 Januari 1995 sehingga tarikh keluarnya Pekeliling ini dan mana-mana tempoh masa diantaranya;
 - 3.4. pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib selain daripada hukuman-hukuman yang dinyatakan di perenggan 2.4.(i) (ii) dan (iii); dan

- 3.5. pegawai yang mana majikan mereka adalah bukan Kerajaan dan gaji/elaun tidak dibayar dari peruntukan Kerajaan seperti yang berkhidmat/dipinjamkan dengan agensi-agensi antarabangsa/swasta;
- 3.6. pegawai yang meletakkan jawatan atau meninggalkan perkhidmatan;
- 3.7. pegawai yang dibuang kerja;
- 3.8. pegawai yang luput tempoh kontrak;
- 3.9. pegawai yang ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam atau dibersarakan atas kepentingan perkhidmatan awam;
- 3.10. pegawai yang berkhidmat pada 1 Januari 1995 dan kemudiannya bersara pada bila-bila tarikh sehingga tarikh Pekeliling ini; dan
- 3.11. pegawai yang sedang berkhidmat pada 1 Januari 1995 dan kemudiannya meninggal dunia pada bila-bila tarikh sehingga tarikh Pekeliling ini.

Pegawai Yang Ditangguhkan Pembayaran Pendahuluan

4. Bagi pegawai yang ditahan kerja, digantung kerja atau surat pertuduhan telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib, **pembayaran pendahuluan pelarasan gaji adalah ditangguhkan.**

Asas Pembayaran Pendahuluan

5. Asas pembayaran pendahuluan adalah berdasarkan kepada gaji pokok hakiki pegawai pada bulan **Februari 1996.**

Jabatan Yang Membayar Pendahuluan

6. Pembayaran keseluruhan pendahuluan ini adalah menjadi tanggungan Jabatan/Agensi di mana pegawai ditempatkan.

7. Tertakluk kepada penerimaannya oleh Pihak Berkuasa masing-masing, keputusan ini dipanjangkan kepada Perkhidmatan-perkhidmatan Negeri, Badan-Badan Berkanun dan Kuasa-Kuasa Tempatan.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "



(DATO' DR. MAZLAN BIN AHMAD)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

26 Januari 1996.

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan.

s.k:

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun

Semua Ketua Pengurusan Kuasa Tempatan